

CNS6135

R GB 06-05 00183 BH434

bah

Mahathir - Kemboja

MALAYSIA AKAN PATUH KEPADA PBB, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan patuh kepada keputusan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kedudukan anggota tenteranya yang bertugas dengan pasukan pengaman di Kemboja.

"Kita berpegang kepada arahan PBB," kata beliau kepada pemberita selepas melawat kedai bebas cukai yang baru di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas sama ada Malaysia akan menarik balik anggota pengamannya memandangkan ketegangan yang berlaku di negara itu.

Perdana Menteri juga meminta PBB menentukan supaya anggota tentera Malaysia di Kemboja dilengkapi kelengkapan secukupnya untuk menghadapi sebarang kemungkinan memandangkan keadaan di negara itu bertambah meruncing.

Mengenai saranan Song Sann, seorang daripada pemimpin empat puak yang bertelagah di Kemboja supaya pilihan raya yang dijadualkan dari 23 hingga 27 Mei ini ditangguhkan, beliau berkata, pilihan raya itu jika ditangguhkan tidak akan menukarkan keadaan di negara itu.

Walaupun jika ditangguh, ia tidak membawa kesan terhadap keadaan di Kemboja, katanya. -- Lagi.

▼06/05/21-56MST

CNS6137

R GB 06-05 00162 BH435

bah

Mahathir - Kemboja 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula berkata, pilihan raya itu perlu diteruskan kerana jika ditangguhkan bererti kemenangan bagi puak Khmer Rouge.

"Khmer Rouge pun kini telah meningkatkan keganasannya serta herani menembak askar China dan jika pilihan raya ditangguhkan tidak akan mengubah keadaan di negara itu," katanya kepada pemberita di lapangan terbang itu hari ini, sekembalinya beliau daripada menghadiri mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Karachi dan lawatan rasmi lima hari di Arab Saudi.

Mengenai anggota pengaman Malaysia di Kemboja, beliau berharap PBB akan memberikan jaminan keselamatan.

"Walaupun kita (anggota pengaman Malaysia) bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan tetapi PBB perlulah memberikan jaminan keselamatan," katanya.

Beliau berkata, 'Malaysia mematuhi PBB mengenai sebarang tindakan untuk menarik balik anggota pengaman di sana kerana penempatan anggota itu adalah di bawah panji-panji PBB.

Kita pergi ke sana bukan secara bersendirian tetapi secara berpasukan, katanya. -- Bernama

BK AZ.

▼06/05/22-04MST